

WANITA CANTIK DAN KEJATUHAN PEMERINTAHAN HEBAT DALAM FILEM “TUN FATIMAH” (1962)

(A BEAUTIFUL WOMAN AND THE DOWNFALL OF A GREAT RULER IN THE FILM “TUN FATIMAH” (1962))

Ayu Haswida Abu Bakar
ayu330@uitm.edu.my

Fakulti Filem, Teater dan Animasi
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Malaysia

Received: 31st May 2021; Accepted: 4th October 2021: Published: 26th September 2021

Abstract

Beautiful women have often been associated with great men of authority and governance in various kingdoms. However, according to scholars, the beautiful female subject also serves as a domineering figure that monopolises the man himself. She can also be a contributing factor towards the downfall of an empire and the world of the man she exists in. For instance, this phenomenon occurred during certain Chinese dynasties. Hence, this research, using the film titled “Tun Fatimah” (1962), focuses on studying and analysing the relationship between the beauty of Tun Fatimah – the daughter of the “Dato’ Bendahara” of Malacca and the wife of Tun Ali – and the creation of a “sultan” (king), who was still a bachelor and governed tyrannically. Subsequently, history witnessed the king’s downfall as a ruler in the larger context of the Malay World. It also led to fissures within the great Malaccan sultanate. This research utilises a qualitative approach, focusing on the detailed textual-narrative analysis of the film, supported by the epistemology of desire. Findings show that Tun Fatimah’s beauty, which was befitting as queen for the Malaccan sultanate, is the main factor in contributing to the libido imbalance of the king and the weakness of hegemonic masculinity in the empire. The imbalance triggered the king’s irrationality as shown through his emotions such as the thirst for vengeance, anger, jealousy, guilt and regret. In conclusion, the factors proved they did contribute fully to creating a tyrannical Malaccan king.

Keywords: Southeast Asian cinema, Malaysian cinema, Tun Fatimah, epistemology of desire beautiful woman, hegemonic masculinity.

Abstrak

Wanita cantik sering dikaitkan dengan dominasi lelaki hebat seperti pemegang autori dan pemerintah hebat sebuah kerajaan. Wanita cantik mengikut para sarjana bertindak sebagai indeks objek dominasi dan monopoli lelaki yang bersifat subjek. Sungguhpun begitu, wanita cantik adalah faktor penyumbang kepada kejatuhan sebuah empayar dan dunia lelaki hebat tersebut. Seperti kejatuhan beberapa Dinasti China dahulu. Fokus kajian adalah mengkaji dan menganalisa hubungkait antara kecantikan Tun Fatimah, anak Dato Bendahara Melaka dan isteri kepada Tun Ali, dalam filem Tun Fatimah (1962), dengan pembentukan figura Sultan Melaka yang masih tidak mempunyai permaisuri, sebagai pemerintahan zalim dan keruntuhan kewibawaan Sultan sebagai pemerintah yang hebat di alam Melayu. Justeru, menyumbang kepada kelemahan Kerajaan Kesultanan Melaka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat analisa textual-naratif filem Tun Fatimah (1962), melalui Pendekatan Epistemology of Desire. Hasil kajian yang dirumuskan adalah kecantikan Tun Fatimah yang sifatkan sebagai setaraf dengan tahap seorang permaisuri Kerajaan Melaka adalah penyumbang utama kepada proses ketidakseimbangan libido kelakian Sultan dan kelemahan hegemonic masculinity Kerajaan Melaka. Justeru, proses ketidakseimbangan libido ini adalah faktor pemungkin kepada berlakunya tahap ketidakwarasan emosi Sultan yang diangkat melalui unsur emosi dendam, marah, cemburu, bersalah dan menyesal. Maka dengan itu, kelima-lima unsur ini secara kukuh menyumbang sepenuhnya kepada proses pembentukan figura Sultan Melaka ini sebagai seorang pemerintah yang zalim.

Kata Kunci: Sinema Asia Tenggara, Sinema Malaysia, Tun Fatimah, epistemology of desire, Wanita Cantik, hegemonic masculinity.

Pengenalan

Karya sastera, filem atau television melalui cerita-cerita berbentuk seperti mitos, dongeng, lagenda dan sejarah yang bersifat percintaan atau ‘*romance*’, jalan cerita atau konsep naratif pemilikan dan monopoli lelaki terhadap wanita cantik adalah bersifat tipikal dan universal. Memiliki wanita cantik atau wanita rupawan yang menjadi pujaan atau rebutan lelaki-lelaki lain akan menjadi matlamat, baik hero atau watak utama mahupun pada watak antagonis. Secara konotasi, kejayaan memiliki wanita cantik ini menyumbang kepada kemenangan dan indeks penaklukan dan dominasi kuasa. Contohnya seperti cerita Sultan Mahmud Shah dengan Tun Teja, Puteri Gunung Ledang dan Tun Fatimah dalam *Sulalatus Salatin*, Sri Rama dan Sita Dewi dan Cleopatra dan Mark Anthony. Sungguhpun begitu kejayaan memiliki atau mendominasi wanita cantik oleh kalangan lelaki hebat dan berkuasa akan menyumbang kepada kejatuhan dan kemasnahan lelaki tersebut dan kuasa pemerintahannya.

Justeru, fokus perbincangan kajian ini tertumpu kepada wanita cantik, Tun Fatimah dalam filem *Tun Fatimah* (1962). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis bagaimana wanita cantik Tun Fatimah dalam filem ini mampu menyebabkan kejatuhan kewibawaan Sultan Kerajaan Negeri Melaka, sebagai seorang pemerintah hebat. Justeru,

menyumbang kepada signifikasi kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melaka yang diindekskan melalui figura Sultan Melaka dalam filem *Tun Fatimah* (1962).


Permasalahan Kajian

Pencirian dan latar sosiologi Tun Fatimah dalam *Tun Fatimah* (1962) adalah seorang wanita cantik daripada keluarga Bendahara Melaka, Tun Mutahir dan bersuamikan Tun Ali. Sungguhpun begitu, kecantikan Tun Fatimah menyebabkan Sultan Melaka, iaitu Sultan Mahmud Shah berada pada tahap seperti mana yang dikatakan oleh Ritscher (2009) sebagai “*separation of man's libido from his rational self*” atau ketidakwarasan emosi libido. *Desire* atau keinginan yang bersifat obsesi dan nafsu Sultan Mahmud untuk memiliki Tun Fatimah, berfungsi sebagai faktor kejatuhan kewibawaan Sultan Mahmud sebagai seorang pemerintah hebat. Untuk memiliki Tun Fatimah, seorang wanita cantik di Melaka yang sudah pun bersuami, baginda sebagai sultan atau ketua pemerintah Kerajaan Melaka telah menyalahgunakan kuasa. Oleh sebab emosi marah daripada ketidakwarasan emosi libido, baginda telah menjatuhkan hukuman mati kepada semua ahli keluarga Tun Fatimah, termasuk suaminya, Tun Ali. Akibat perasaan cemburu juga menyebabkan Sultan Mahmud sanggup mengarahkan pembesar istana membunuh adindanya, Tengku Zainal.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah teksual analisis yang bersifat kajian naratif. Teksual adalah merujuk kepada filem *Tun Fatimah* (1962) dan naratif filem berkenaan berfungsi sebagai kajian kod. Dua *variable* akan dilihat adalah kecantikan Tun Fatimah dan kewibawaan Sultan Mahmud. Kajian ini akan mengkaji hubungkait dua *variable* ini sebagai mekanisme penyumbang kepada kejatuhan kewibawaan Sultan Mahmud, pemerintah Kerajaan Kesultanan Melaka yang hebat di alam Melayu. Dalam kontek yang lebih luas ia merujuk kepada salah satu faktor kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melaka kepada Portugis.

Kerangka konseptual teori yang digunakan merujuk kepada konsep *the epistemology of desire* Ritscher (2009, p. 47): “*The epistemology of desire considers the sight of a beautiful woman to be one that causes a separation of man's libido from his rational self* melalui Cho Kyō (2012, p. 9) “*beautiful women were praised as objects of male monopoly*”.



Rajah 1: Reka bentuk teksual analisis-kajian analisis kandungan bersifat naratif Filem *Tun Fatimah* (1962)

Konsep *epistemology of desire* Ritscher (2009, p. 47) dan *beautiful women* Cho Kyo (2012, p. 9), akan dibentuk menjadi alat analisis kajian yang menumpukan kepada kajian kod, iaitu naratif cerita *Tun Fatimah* (1962) sahaja. Melalui kajian kod ini dua *variable* akan dikaji. Pertama, indeks wanita cantik yang menjadi objek monopolii lelaki yang dinyatakan oleh Cho Kyo (2019, p. 9), diangkat melalui kecantikan watak Tun Fatimah. Kedua, *variable* indeks pemerintahan hebat diangkat melalui kewibaan Sultan Mahmud, ketua pemerintahan Melaka. Kajian ini akan menganalisis hubungkait dua *variable* ini sebagai penyumbang kepada proses usaha dan cara Sultan Mahmud menjadikan Tun Fatimah sebagai objek monopolii baginda.

Sehubungan dengan ini, berlakunya proses usaha monopolii Sultan Melaka terhadap wanita cantik-Tun Fatimah adalah merujuk kepada proses berlakunya frasa "*A separation of man's libido from his rational self*" yang dinyatakan oleh Ritscher (2009, p. 47) tadi, dalam diri Sultan Mahmud kesan daripada kecantikan Tun Fatimah. Definisi *libido* merujuk kepada *sexual drive* atau nafsu seksual. Proses yang dinyatakan oleh Ritscher ini boleh ditermakan sebagai frasa ketidakwarasan emosi yang bersifat nafsu seksual. Akibat daripada emosi ini, seseorang yang berada pada tahap ini seperti Sultan Mahmud, dalam konteks kajian ini, akan hilang sifat rasional diri. *Instrument* yang akan digunakan bagi mengukur frasa ketidakwarasan emosi ini adalah melalui tingkah laku Sultan sebagai usaha menjadikan Tun Fatimah miliknya atau objek monopolii. Merujuk kepada konsep penyalahgunaan kuasa baginda demi untuk tujuan memonopolikan Tun Fatimah, maka kajian ini akan melihat hubungkait frasa ketidakwarasan emosi yang bersifat *sexual drive* atau nafsu seksual Sultan Mahmud terhadap proses kejatuhan Sultan Mahmud, pemerintahan hebat Kerajaan Melaka.

Kajian Literatur

Cho Kyo (2012), mendefinasikan wanita cantik sebagai “*an image as a whole; is an impression*” merujuk kepada sifat luaran atau fizikal yang beliau terma sebagai “*beautiful looks*” yang berfungsi sebagai “*a complete womanly excellence*” (Ruby Blondell, 2013, p. 1). Oleh yang demikian, merujuk kepada definisi Cho Kyo dan Ruby Blondell takrifkan definisi wanita cantik untuk kajian ini adalah seorang wanita yang mempunyai kualiti kesempurnaan yang tinggi.

Sungguhpun begitu, pada Cho Kyo: “...*beautiful women were praised as objects of male monopoly*”. Menurut Adams dan Adams pula, seorang wanita cantik adalah “*the ‘beauty myth’ [that] serves the interest of men, who are its subjects, and hurts those of women, who are the objects*” (2015, p. 26). Sehubungan dengan itu, “*beauties were not always associated with status wealth and good fortune, but came to be feared as the source of death, downfall, national ruin, loss and collapse*” (Cho Kyo, 2012, p. 9).

Dalam erti kata lain, memiliki wanita cantik pada lelaki khususnya kepada lelaki yang bersifat pemerintah atau berkuasa menyumbang kepada indeks dominasi. Indeks dominasi ini berfungsi sebagai konotasi kehebatan dan kuasa dari aspek kejantanan atau partriaki. Justeru, konsep dominasi sebegini berlaku dalam setiap sejarah kaum, masyarakat, negara atau bangsa di dunia. Antaranya adalah ketika era Dinasti China.

Budaya dan adat hierarki perempuan istana atau *Imperial Harem System*, ini meletakkan Maharani pada status teratas, diikuti dengan berapa orang isteri diraja Maharaja kemudian diikuti dengan beberapa tingkat hierarki tertentu dan yang paling bawah adalah “masyarakat gundik” yang banyak bilangannya sehingga berpuluhan-puluhan orang. Sungguhpun begitu ada dinasti yang tidak menghadkan bilangan gundik Maharaja ini.

Konsep dominasi Maharaja era Dinasti adalah dibentuk oleh sistem hierarki ‘perempuan istana’ oleh budaya Dinasti itu sendiri. Ketika era Dinasti China, melalui sistem ini Maharaja boleh mempunyai masyarakat gundik yang terdiri daripada wanita cantik yang datangnya dari segenap tanah jajahan dinasti tersebut. Sehubungan itu, ‘masyarakat gundik’ ini dibahagi kepada hierarki dan status ‘pangkat’ yang telah diamalkan mengikut dinasti tertentu – gundik diraja, gundik kelas atas dan gundik kelas bawahan.

Pada pendapat Paul Cohen (2014, p. 98), *men of virtue and ability were a state’s treasure, beautiful women the source of a state’s ruin. [...] beautiful women had brought about the downfall of the Xia, Shang and Western Zhou dynasties*”. Melalui sejarah China, menurut Cohen, ketika era dinasti dahulu, kejatuhan beberapa dinasti seperti Xia, Shang dan Western Zhou adalah berpuncanya daripada wanita cantik yang bertaraf gundik Maharaja. Kenyataan Cohen pernah diketengahkan oleh Lim Sk (2010, p. 20):

“A few historians believed that the decay and collapse of dynasties were caused by woman and they called these women ‘disastrously beautiful’ or ‘the disaster that destroyed the country’. The overthrow of the earliest dynasties in China, the Xia, Shang and Zhou Dynasties, was related to women.”

Kecantikan Meixi, gundik Maharaja terakhir Dinasti Xia adalah penyebab kepada kejayaan rampasan kuasa oleh Dinasti Shang. “*King Jie became infatuated with her [Meixi] beauty and in order to please her, worked the people and depleted his wealth [...]. In the end, King Jie lost the goodwill of his people [...]”* (2010, p. 17). Keadaan ini berulang dalam Dinasti Shang ketika pemerintahan Maharaja Zhou.

Daji menurut Lim Sk (2010, p. 18) merupakan gundik Maharaja yang paling disukai. Kecantikan Daji menjadikan Maharaja ini mengabaikan perihal pentadbiran pemerintahan negara. Justeru, “*The tyranny of King Zhou eventually led to resistance and he was overthrown by King Wu of the Zhou Dynasty*”, manakala “*the early Zhou (typically referred to as Western Zhou) were believed to have been brought down by a woman. It is said that King You’s concubine Bao Si manipulated the benighted King so much that she virtually destroyed the capital of Zhou*” (Peimin Ni, 2016, p. 142).

Bao Si berjaya memujuk dan mempengaruhi Raja You untuk mengangkat dan melantik dirinya daripada seorang gundik kepada Maharani setelah beliau melahirkan anak lelaki mereka, Bofu. Rentetan daripada hal ini, Raja You telah menyingkir Ratu Sheng, Maharani yang sedia ada dan melucutkan taraf Putera Mahkota Jiu, anak lelakinya bersama Ratu Sheng dan digantikan dengan Bofu. Keadaan ini adalah pemangkin utama kepada faktor rampasan kuasa dan kejatuhan Dinasti Zhou.

Seorang lagi wanita cantik bertaraf gundik yang berjaya diangkat sebagai wanita besar istana ialah Maharani “Dowager” atau Empress Dowager Cixi era Dinasti Qing. Status sebagai Maharani Dowager ini menurut Ellen Soulliere (2013, p. 36): “*The most secure position in the imperial household. [...]. The dowagers had important roles in managing the imperial family, including aspects of its household finances, the education of the young prince and princess, and the selection of their marriage partners. The most successful dowager was also intensely involved in the political activities of the outer court*”. Seperti Bao Si, Maharani Dowager Cixi berjaya “menaiktarafkan” dirinya daripada seorang gundik kepada Maharani apabila beliau melahirkan pewaris takha Dinasti Qing, iaitu Maharaja Tongzhi. Maharani ini dikatakan penyebab kejatuhan Dinasti Qing.

Selain itu, di Amerika pada era 1960-an, Marilyn Monroe, seorang pelakon terkenal ketika era itu, berfungsi sebagai “*object of monopoly*” kepada Presiden Amerika, John F. Kennedy dan adiknya Robert atau dikenali juga sebagai Bobby Kennedy. Kematian Marilyn Monroe secara langsung telah menyumbang kepada kejatuhan kuasa politik dan imej adik-beradik Kennedy ini.

Buku yang merujuk kepada isu ini banyak ditulis oleh pengkaji dan penganalisis politik Amerika seperti Mark Shaw (2021), dan pada pendapat beliau, sekiranya dahulu Robert Kennedy-peguam negara Amerika, didakwa bersuhabat dalam pembunuhan Marilyn Monroe pada tahun 1962, kempen beliau yang menentang dan anti-Mafia pasti akan diketepikan. Justeru, akan tidak ada alasan bagi musuh Robert atau Bobby yang merujuk kepada kumpulan Mafia, untuk membunuh abangnya John F. Kennedy (Presiden Amerika) pada tahun 1963. Hal ini juga

maka tidak ada alasan untuk kumpulan Mafia ini membunuh ikon media dan seorang wartawan terkenal ketika itu, Dorothy Kilgallen.

Pembunuhan Dorothy adalah kerana dipercayai ikon ini dikatakan telah melakukan penyiasatan untuk membongkar punca sebenar kematian John F. Kennedy. Melalui penyiasatan itu beliau berjaya menemui penemuan bukti yang mampu mengaitkan kes pembunuhan John F. Kennedy kepada kumpulan Mafia. Menurut Shaw dalam bukunya sebelum ini, *The Reporter Who Knew Too Much* (2016, p. 44):

"On August 3, 1962, two months before the Cuban missile crisis, Dorothy Kilgallen become the first journalist to reveal Marilyn Monroe's relationship with "a Kennedy. [...] when Marilyn died in Hollywood two days later, a startled Kilgallen, three years separated from her own death, questioned the investigation."

Jerry A. Kroth dalam bukunya, *Conspiracy in Camelot: The Complete History of the Assassination of John Fitzgerald Kennedy* (2003, p. 52) mengatakan:

"Ms Kilgallen's case note on the Kennedy assassination were never found. [...] Not only had Mrs Kilgallen been privy to facts about Jack Ruby [a night club owner which has strong connection to the underground organised crimes], but she may also have been prepared to make revelations about Jack [John] and Bobby Kennedy's affairs with Marilyn Monroe".

Pada pendapat Ruby Blondell pula (2013, p. x): *"Having constructed female beauty as a threat and imagined an absolute standard of beauty fulfilled by a single woman in whom that threat culminated [...]"*. Pendapat Blondell ini merujuk kepada wanita cantik yang dikaitkan dengan kejatuhan empayar Troy ketika zaman Greek Kuno. Helen, watak dalam mitos rakyat Greek Kuno yang dikatakan wanita paling cantik di dunia. Isteri kepada Raja empayar Sparta yang lari ke Troy bersama-sama kekasihnya, Paris. Kecantikan Helen menurut Blondell adalah *"the most destructive"* kerana *'she triggers the greatest war of all time in the Trojan War. [...] the war is caused not only by their inability to control the beautiful Helen but their [the males who desire her] equal in ability to dismiss or destroy her'* (Ruby Blondell, p. ix).

Oleh yang demikian, Maharaja China, John F. Kennedy dan Robert Kennedy, dan Raja empayar Sparta adalah berfungsi sebagai indeks subjek yang dinyatakan oleh Adams dan Adams (2015), sebagai *"Who are its subjects, and hurts those of women who are the objects"*, merujuk kepada Meixi, Daji, Bao Si, Cixi, Marylin Monroe dan Helen. Justeru, daripada fenomena sejarah China, Amerika dan empayar Troy yang dinyatakan tersebut, maka tidak dapat dinafikan bahawa kecantikan yang dimiliki oleh wanita mampu bertindak sebagai katalis yang menyumbang kepada faktor kejatuhan, keruntuhan atau 'kemusnahan' seseorang pemerintah yang menyumbang kepada konotasi sebuah negara. Pada pendapat Ritscher (2009, p. 47), *"The epistemology of desire considers the sight of a beautiful woman to be one that causes a separation of man's libido from his rational self"*.

Daripada tinjauan literatur di atas, didapati bahawa tidak ada kajian mendalam tentang wanita cantik sebagai penyumbang kejatuhan kredibiliti dan kewibaan pemerintah negara bangsa yang hebat. Kajian kejatuhan sebuah pemerintahan dan negara bangsa sering dihubungkaikan dalam konteks kajian bersifat sejarah dan politik sebuah negara. Khususnya sosiobudaya dan sosio politik negara berkenaan. Dalam kata lain, sejauh ini, kajian tentang wanita cantik sebagai pemangkin dan katalis kepada kejatuhan sebuah pemerintahan yang bersifat autoriti, tidak ada yang bersifat *primary* baik dari perspektif sejarah, politik, sastera maupun dalam kontek analisis teks filem.

Justeru, melalui tinjauan yang dijalankan, kajian yang mengkhususkan terhadap hubungkait antara wanita cantik dan kejatuhan pemerintahan hebat dalam bidang penyelidikan sinema Malaysia boleh dikatakan tiada. Oleh hal demikian, kajian ini akan mengisi kelomongan dalam dunia kajian akademik filem sinema Malaysia mengenai fokus dan tajuk kajian, iaitu, wanita cantik dan kejatuhan pemerintahan hebat dalam filem *Tun Fatimah* (1962).

Perbincangan

Penegasan, Pengukuhan dan Pengiktirafan Tun Fatimah Sebagai Wanita Cantik di Alam Kerajaan Kesultanan Melaka Era Kesultanan Sultan Mahmud Shah.

Penegasan tentang kecantikan Tun Fatimah dalam filem *Tun Fatimah* (1962), bermula dan berlaku pada dua babak pada awal filem. Pertama, dalam babak lawat-ziarah Raja Dibaroh dan Dato Mendaliar ke rumah Dato Bendara pada babak kedua dalam filem ini. Penegasan ini dilakukan oleh Raja Dibaroh, ayah saudara kepada Sultan Mahmud yang mewakili golongan istana. Kemudian diperkuuhkan oleh sokongan oleh Dato Mendaliar, ketua Shahbandar Melaka, yang mewakili golongan para pembesar istana.

- Raja Dibaroh: Sekarang baru hamba tahu, rupanya Dato' ada mempunyai anak perawan yang cantik. [...]
- Dato Bendahara: Patik tak mahu jadi ayam betina, bertelur sebutir, riuh sekampung.
- Raj Dibaroh: Alangkah baiknya Dato persembahkan kepada Sultan. Sebab Sultan pun belum mempunyai permaisuri.
- Dato Mendaliar: Benar Dato. Persembahkanlah pada Sultan.

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Watak Raja Dibaroh menyumbang kepada indeks golongan istana yang menyumbang kepada konotasi kuasa tertinggi di Melaka. Di mana dia secara langsung berfungsi sebagai *signifier* kepada Kerajaan Kesultanan Melaka. Manakala Dato Mendaliar, sebagai ketua Shahbandar Melaka menyumbang kepada konotasi kuasa yang dilantik Sultan dari kalangan rakyat. Kuasa yang menyokong autoriti Sultan sebagai pemerintahan Kerajaan Kesultanan Melaka.

Babak kedua adalah melalui babak majlis kenduri kahwin Tun Fatimah dan Tun Ali di rumah Dato Bendahara. Sultan Mahmud dilihat seperti terpukau dengan kecantikan Tun Fatimah yang sedang duduk bersanding di atas pelamin bersama Tun Ali. Sehinggalah pasangan pengantin itu dibawa mengadap beliau yang duduk disinggahsana yang disediakan di suatu sudut ruang bersama-sama para pembesar istana di suatu sudut ruang kawasan itu. Tingkah Sultan ini berfungsi sebagai perakuan atau pengesahan bersifat ekspresi terhadap penegasan dan pengukuhan Raja Dibaroh dan Dato Mendaliar tentang kecantikan Tun Fatimah. Perakuan oleh Sultan Mahmud ini menyumbang kepada konotasi perakuan Sultan Melaka, ketua dan kuasa tertinggi Kerajaan Kesultanan Melaka yang bertindak sebagai kuasa tertinggi dan ketua kepada masyarakat patriaki Melaka ketika itu.

Justeru, perakuan atau pengesahan bersifat luahan Sultan kepada kenyataan Raja Dibaroh dan Dato Mendaliar ini muncul dalam konsep sindiran marah yang dibentuk daripada perasaan terkilan Sultan terhadap sikap dan tingkah Dato Bendahara yang pernah menolak nasihat dan cadangan Raja Dibaroh dan Dato Mendaliar, supaya mempersempahkan Tun Fatimah kepada baginda Sultan terlebih dahulu sebelum diputuskan Dato Bendahara untuk menerima lamaran Tun Ali. Rasa terkilan ini menjadi pemangkin kepada pembentukkan emosi marah Sultan terhadap sikap Dato Bendahara yang tidak mendahului dirinya sebagai Sultan. Latif (2016) dalam penulisan Nur Anis Fadzil dan Anis Shahirah Abdul Sukur (2021, p. 179), berpendapat:

“Kemarahan merupakan satu bentuk bentuk emosi yang dominan berbanding emosi yang lain dan kemarahan tidak akan tercetus dengan sendirinya. Kemarahan boleh tercetus dengan pelbagai faktor sama ada provokasi, interlokutor dan persekitaran sosial yang lain.”

Emosi marah baginda dikenal pasti melalui kata-kata sindirnya kepada Dato Bendahara apabila langkah baginda yang ingin beredar dari majlis itu dihalang oleh Dato Bendahara.

Dato Bendahara: Ampun tuanku, kenapa lekas hendak berangkat? Santapan sedang disediakan.


Sultan: Tak payahlah Dato Bendahara, beta sudah kenyang dengan pemandangan di sini.

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Merujuk kepada kenyataan Latif (2019), ketiga-ketiga faktor yang dinyatakan oleh Latif menjadi faktor utama terhadap pembentukan emosi marah Sultan terhadap Dato Bendahara. Unsur provokasi timbul ketika berlakunya interlokutor antara Sultan, Raja Dibaroh dan Dato Mendaliar pada majlis tersebut ketika menyaksikan persandingan Tun Fatimah dan Tun Ali yang merujuk kepada dimensi sosial yang bersifat status sosial dan tahap keformalan dan fungsian (Holmes dan Wilson, 2017; Nur Anis Fadzil dan Anis Shahirah Abdul Sukur, 2021, p.179).

Emosi marah Sultan ini memberi indikasi bahawa Sultan Melaka, pemerintah sebuah kerajaan Melaka memperakui bahawa kecantikan Tun Fatimah sebagai “*A complete womanly excellence*” (Ruby Blondell, 2013, 1). Dengan perakuan ini, Tun Fatimah secara konotasinya diiktiraf oleh Kerajaan Kesultanan Melaka ketika itu, sebagai seorang wanita yang mempunyai

kualiti kesempurnaan yang tinggi. Dalam erti kata lain, kesahihan dari kerajaan ini berfungsi sebagai konotasi pengiktirafan dan penerimaan Tun Fatimah sebagai wanita paling cantik di Melaka, oleh seluruh rakyat Melaka ketika itu. Justeru, pengiktirafan ini menyumbang kepada ‘beauty myth’ Tun Fatimah yang ditermakan oleh Adams dan Adams (2015) melalui definisi Cho Kyo (2012), wanita cantik sebagai “*an image as a whole; is an impression*” dan diperakui hingga ke hari ini.



Rajah 2: Penegasan, pengukuhan dan pengiktirafan Tun Fatimah sebagai wanita cantik di Melaka

Tun Fatimah Sebagai Objek Monopoli dan dominasi Sultan – Kerajaan Kesultanan Melaka

Babak majlis perkahwinan di awal naratif filem *Tun Fatimah* (1962), yang dibincangkan di atas berfungsi sebagai babak representasi citra figura Sultan Mahmud yang sedang berada pada frasa awal ketidakwarasan emosi *libido* setelah pertama kali melihat kecantikan Tun Fatimah, anak Dato Bendahara Melaka.

Emosi marah Sultan kepada Dato Bendahara merujuk kepada indikasi bahawa sebagai pembesar utama Kerajaan Melaka, beliau sudah sedia maklum bahawa Sultannya itu sedang mencari seorang wanita yang layak untuk dijadikan permaisuri Melaka. Oleh yang demikian, konflik yang diangkat melalui sudut pandang penceritaan yang bertumpu kepada watak Tun Fatimah menyumbang kepada Tun Fatimah adalah objek monopoli dan dominasi yang Sultan perlu miliki.

Oleh yang demikian, tindakan Dato Bendahara yang tidak mahu mempersembahkan Tun Fatimah kepada Sultan terlebih dahulu telah dianggap sebagai “tidak baik perangai” dalam

kalangan orang istana dan pembesar istana. Hal ini juga melanggar adab dimensi sosial dimensi sosial yang bersifat status sosial dan tahap keformalan dan fungsian (Holmes dan Wilson, 2017; Nur Anis Fadzil dan Anis Shahirah Abdul Sukur (2021, p. 179). Oleh yang demikian, tingkah Dato Bendahara ini adalah merujuk kepada sikap engkar terhadap status adab kuasa monopoli Sultan terhadapa Kerajaan Melaka. Sebagai pemilik kuasa monopoli Kerajaan Melaka, seorang wanita cantik di Melaka harus dipersembahkan terlebih dahulu kepada Sultan. Tingkah engkar Dato Bendahara ini juga secara langsung berfungsi kepada menafikan kuasa dominasi Sultan terhadap rakyat Kerajaan Melaka.

“Sekarang baru hamba tahu, rupanya Dato’ ada mempunyai anak perawan yang cantik [...]. Alangkah baiknya Dato persembahkan pada Sultan, sebab Sultan belum ada mempunyai permaisuri.”

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Dari pada kenyataan di atas, Tun Fatimah seharusnya dan perlu dipersembahkan kepada Sultan terlebih dahulu, seperti mana yang dinyatakan oleh Raja Dibaroh (bapa saudara Sultan) yang mewakili golongan istana, dan Dato Mendaliar (Dato Shahbandar Kerajaan Negeri Melaka) yang mewakili golongan para pembesar istana Kerajaan Negeri Melaka. Signifikasi ‘dipersembahkan’ ini bertindak sebagai proses pengakuan dan akur kepada kuasa Sultan sebagai ‘Yang diPertua kita’ yang berfungsi sebagai pengiktirafan kuasa monopoli dan dominasi Sultan ke atas rakyat Melaka, termasuk Tun Fatimah. Dengan itu, konsep Tun Fatimah sebagai wanita cantik, harus dipersembahkan kepada Sultan, merujuk kepada konotasi Tun Fatimah sebagai indeks objek monopoli dan dominasi Sultan sebagai autoriti yang bersifat subjek.

Sehubungan dengan itu, indikasi Tun Fatimah yang seharusnya menjadi milik kerajaan tetapi berjaya dimiliki oleh rakyat (Tun Ali) menyumbang kepada konotasi kelemahan monopoli dan dominasi kuasa pemerintah yang bersifat penghinaan. Walaupun Tun Ali adalah anak kepada Sri Nara Diraja yang merujuk kepada antara gelaran orang besar istana, status Tun Ali masih lagi rakyat jelata bawah pemerintahan Sultah atau kerajaan. Wanita yang mempunyai kualiti kesempurnaan yang tinggi seperti Tun Fatimah, seharusnya menjadi milik atau objek monopoli dan dominasi Sultan Melaka dan bukan Tun Ali. Walaupun sudah pun menjadi isteri kepada rakyat (Tun Ali), Tun Fatimah tetap layak dan harus dimiliki oleh Sultan Melaka dan menjadi permaisuri Melaka, seperti mana dinyatakan oleh Sultan (merujuk kepada petikan dibawah). Dalam kata lain, status dan kedudukan Tun Fatimah sebagai “*a complete womanly excellence*” letak dan tempatnya adalah sebagai permaisuri Kerajaan Kesultanan Melaka. Pengukuhan hierarki kewanitaan Tun Fatimah ditegaskan oleh Sultan Melaka sendiri pada babak akhir naratif filem *Tun Fatimah* (1962),

- Sultan: [...] Beta berhajat hendak menjadikan Tun Fatimah permaisuri Melaka.
Tun Fatimah: Patik tak layak menjadi permaisuri Melaka, tuanku.
Sultan: Jangan cakap begitu Tun Fatimah kerana layaklah maka beta bersusah payah menyuruh Berkat menjemput Tun Fatimah ke sini [istana].

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Justeru, perakuan Sultan Melaka ini bertindak sebagai indeks pengiktirafan status Tun Fatimah sebagai objek monopoli dan dominasi Sultan, kuasa patriaki tertinggi dan kerajaan di Melaka, sebagai seorang wanita yang paling layak untuk berada di singgahsana sebagai permaisuri.

Konsep Penghinaan kepada *Hegemonic Masculinity*

Merujuk kepada perbincangan di atas, kegagalan Sultan untuk menjadikan Tun Fatimah sebagai objek monopoli baginda, menyumbang kepada konotasi konsep penghinaan kepada Sultan Melaka yang bersifat kelemahan *hegemonic masculinity* seperti yang diterma oleh Raewyn Connell (1995) dalam Messerschmidt (2018), bahawa *hegemonic masculinity* bertindak sebagai konfigurasi amalan budaya gender yang menyumbang kepada jawapan dan penjelasan terhadap permasalahan justifikasi sistem patriaki. Sistem ini memberi jaminan yang kukuh tentang kedudukan dominasi lelaki dan letak duduk serta kedudukan wanita sebagai “*subordination*” atau subordinasi. Konsep *hegemonic masculinity* Raewyn Connell diperkuuhkan oleh Richard Howson dan Jeff Hearn dalam Gottzen, Mellstrom dan Shefer (2019), melalui definisi maskuliniti sebagai satu indeks yang “*enables men to act within a continuous system of gendered privilege/importance/ authority that cannot and so “should” not be questioned.*”

Indeks penghinaan tersebut merujuk kepada kegagalan Sultan dalam memperkuuhkan kuasa “*male dominancy*” atau dominasi kelakian beliau. Kerajaan juga tidak mempunyai permaisuri, dalam masa yang sama menyumbang kepada indeks kegagalan beliau mengekalkan figura dan citra beliau sebagai *hegemonic masculinity*. Konsep penghinaan dalam konteks kelemahan *hegemonic masculinity* Sultan yang bersifat *signifier* yang menyumbang kepada *signified* Kerajaan Kesultanan Melaka yang hebat di rantau Kepulauan Melayu, berlaku pada dua peringkat.


i. *Hegemonic Masculinity* Sultan Terhadap Kalangan Pembesar Istana

Pertama, penghinaan *hegemonic masculinity* Sultan dari kalangan pembesar istana sendiri yang representasi oleh Dato Bendahara dan Seri Nara Diraja (bapa Tun Ali). Simon (2004, P. 22; Cahyaningrum Dewoijati, 2021, p. 6), berpendapat bahawa “kelas hegemonik atau kelompok kelas hegemonik adalah kelas yang mendapatkan persetujuan daripada kekuatan dan kelas sosial lain dengan cara menciptakan dan mempertahankan sistem aliansi melalui perjuangan politik”. Dalam konteks ini, Dato Bendahara sebagai pembesar Melaka yang paling tinggi dalam sistem pemerintahan dan Seri Nara Diraja, seharusnya sudah sedia maklum bahawa Sultan yang mereka akui sebagai ‘Yang Dipertuan kita’ belum mempunyai permaisuri. Dalam erti kata lain, kerajaan Melaka ketika itu masih belum ada permaisuri. Namun begitu, Dato Bendahara masih tidak mahu mempersebahkan Tun Fatimah kepada Sultan sebelum anaknya ditunangkan dengan Tun Ali. Walaupun Dato Bendahara sendiri akui Tun Fatimah adalah seorang wanita cantik, apabila Raja Dibaroh memberi penegasan dan disokong oleh Dato Mendaliar pada babak awal filem ini:

Raja Dibaroh: Sekarang baru hamba tahu, rupanya Dato’ ada mempunyai anak perawan yang cantik. [...]

- Dato Bendahara: Patik tak mahu jadi ayam betina, bertelur sebutir, riuh sekampung.
- Raja Dibaroh: Alangkah baiknya Dato persembahkan kepada Sultan. Sebab Sultan pun belum mempunyai permaisuri.
- Dato Mendaliar: Benar Dato. Persembahkanlah pada Sultan.

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)



Rajah 3: Kecantikan Tun Fatimah Sebagai Mekanisma Ketidakwarasan Emosi Libido Sultan Mahmud.

Dengan kenyataan Dato Bendahara pada Raja Dibaroh dan diikuti dengan keputusannya menerima lamaran Tun Ali, jelas merepresentasikan sikap “sungguh tidak baik perangai” Dato Bendahara yang dinyatakan oleh Dato Mendaliar kepada Sultan. Tingkah Dato Bendahara ini berfungsi sebagai mekanisme tidak memberi persetujuan kepada sistem monopoli dan dominasi kelas golongan istana yang diwakili oleh Sultan terhadap rakyat Melaka. Justeru, tingkah “sungguh tidak baik perangai” Dato Bendahara ini berfungsi sebagai unsur ironi kepada pengakuan beliau bahawa Sultan merupakan “Yang Dipertuan kita”. Perakuan ini menyumbang kepada konotasi pengakuan Dato Bendahara terhadap *hegemonic masculinity* yang ada pada Sultan yang mewakili kerajaan Melaka.

ii. ***Hegemonic Masculinity Sultan Mahmud Sebagai Faktor ketidakstabilan dan Kelemahan Sultan Melaka***

Konsep penghinaan kedua, kelemahan *hegemonic masculinity* Sultan Mahmud yang menyumbang kepada faktor ketidakstabilan dan kelemahan Sultan Melaka sebagai seorang lelaki bersifat pemerintah yang hebat. Hegemoni, menurut Howsan dan Hearn (2019), sebagai konsep kuasa yang dikonstruksikan oleh pencirian kepimpinan bersifat penguasaan dominasi dan pengaruh yang berfungsi sebagai kuasa yang sempurna.

Merujuk kepada hegemoni, terma Howsan dan Hearn serta Simon, konsep *hegemonic masculinity* dalam konteks figura seorang lelaki dan pemerintah, kegagalan Sultan Mahmud yang masih belum beristeri untuk memiliki Tun Fatimah, wanita yang memiliki tahap kesempurnaan kewanitaan yang tinggi, bertindak sebagai kelemahan libido seorang lelaki yang bersifat autoriti dalam sistem patriaki. Keadaan ini bertindak sebagai konsep penghinaan kepada sifat berunsurkan “*superiority*” terhadap faktor ‘kejantanan’ atau ditermakan sebagai sifat “keunggulan kejantanan” sistem patriaki kerajaan Melaka.

Sehubungan dengan ini, kejayaan Tun Ali yang dikonatasikan sebagai rakyat yang diperintah dan bersifat *marginalised*, dengan mudah memiliki wanita paling cantik di Melaka, bertindak sebagai pemangkin utama kepada konsep penghinaan terhadap kelemahan libido dan keunggulan kejantanan Sultan Mahmud. Secara langsung sikap dan tingkah Dato Bendahara yang tidak mahu mempersempahkan Tun Fatimah kepada Sultan terlebih dahulu bertindak sebagai konotasi mencabar kuasa, autoriti dan *phallic* Sultan sebagai “Yang diPertuan kita”, kerajaan Melaka. Babak utama, iaitu babak majlis persandingan Tun Fatimah dengan Tun Ali pada awal filem jelas berfungsi sebagai babak *set up* yang kuat bagi membincangkan proses ketidakwarasan emosi libido Sultan setelah melihat kecantikan Tun Fatimah. Maka dengan ini, kecantikan Tun Fatimah adalah pemangkin utama terhadap keadaan ketidakwarasan emosi libido Sultan yang, sepetimana pendapat Ritscher (2009) sebagai: “*The beauty of given woman could cause a separation of man's libido from his rational self, causing him to act in an irrational manner.*”

Proses awal bermulanya “*separation of man's libido*” Sultan Mahmud jelas dalam babak majlis persandingan ini. Kata-kata Sultan kepada Dato' Bendahara dan disusuli dengan tindakan beliau meninggalkan majlis itu dalam rasa terkilan dan marah, menyumbang kepada indikasi permulaan proses ketidakwarasan emosi libido Sultan yang berpunca daripada kegalannya memiliki Tun Fatimah. Berlakunya proses ketidakwarasan emosi libido ini bertindak sebagai indikasi kegagalan atau kelemahan Sultan sebagai lelaki dan pemerintah hebat Kerajaan Melaka dalam mengawal diri hanya kerana tidak dapat memilik wanita cantik, iaitu Tun Fatimah.

- Dato Bendahara: Ampun tuanku, kenapa lekas hendak berangkat? Santapan sedang disediakan.
Sultan: Tak payahlah Dato Bendahara, beta sudah kenyang dengan pemandangan di sini.

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Tingkah “sungguh kurang sopan” Dato Bendahara ini secara bawah sedar bertindak sebagai katalis kepada ketidakstabilan *hegemonic masculinity* Sultan. Ketidakstabilan *hegemonic masculinity* ini berpunca daripada emosi marah Sultan yang mulai hilang kepercayaan dan berdendam kepada Dato Bendahara, atas sikap tidak mendahului baginda dengan mengahwini Tun Fatimah tanpa terlebih dahulu mempersembahan Tun Fatimah kepada beliau. Atas tingkah inilah, baginda yang mewakili atau simbol kuasa dan autoriti sebuah kerajaan hebat berasa tercabar. Emosi marah dan dendam ini adalah indeks pemangkin utama kepada tingkah laku Sultan yang bertindakbalas kepada keadaan ketidakwarasan emosi libido Sultan pada kecantikan Tun Fatimah. Tingkah ini direpresentasikan melalui keputusan jatuh hukum Sultan kepada semua ahli keluarga Dato Bendahara kecuali Tun Fatimah. Justeru, tiga faktor utama yang dikenal pasti melalui naratif filem ini menjadi signifikasi penyumbang utama kepada pembentukan Sultan Mahmud sebagai figura pemerintah atau Sultan yang zalim.

1. Faktor Marah, Dendam dan Dicabar

Faktor marah, dendam dan dicabar Sultan dimanipulasi oleh Dato Mendaliar melalui fitnah. Bahawa kononnya Dato Bendahara ketika ini sedang membuat persiapan untuk merampas kerajaan Melaka. Tingkah Dato Bendahara ini berfungsi sebagai indeks pengkhianatan besar kepada kerajaan negeri Melaka. Sultan yang sudah sedia maklum marah, dendam dan berasa tercabar dengan Dato Bendahara, tanpa usul periksa telah tergesa-gesa menjatuhkan hukuman ke atas Dato Bendahara.

- | | |
|----------------|--|
| Sultan: | Beta harus menjatuhkan hukuman ke atasnya. |
| Tengku Zainal: | Sebelum bekanda melakukan sesuatu apa hendaklah diselidik lebih dahulu. |
| Sultan: | Ciss...kau pulak nak mengajar aku Zainal? Bukankah aku Sultan Melaka? Nyah kau dari sini. |
| Sultan: | [...] Hapuskan Dato Bendahara dan kaum keluarganya. |
| Sultan: | Patutlah Dato Bendahara tak mau menyembah Tun Fatimah kepada beta. Rupa-rupa begini keadaannya ya. Sekarang baru puas hati beta. |


(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Daripada dialog di atas, dapat dilihat berlakunya proses ketidakwarasan emosi libido Sultan terhadap kegagalan baginda memiliki Tun Fatimah. Kesan dari kegagalan ini menjadikan Sultan berada pada tahap tidak rasional yang dibentuk daripada perasaan marah, dendam dan tercabar Sultan terhadap tingkah Dato Bendahara dahulu. Keadaan tidak rasional ini menyumbang kepada tingkah dan keputusan Sultan menjatuhkan hukuman mati ke atas Dato Bendahara dan kesemua ahli keluarga kecuali Tun Fatimah.

Pada awal keputusan, Sultan menjatuhkan hukuman hanya pada Dato Bendahara sahaja. Namun demikian, setelah Tengku Zainal menasihati Sultan agar menyelidiki terlebih dahulu cerita ini, maka hukuman mati yang sebelum ini hanya kepada Dato Bendahara, telah bertukar kepada hukuman mati kepada seluruh ahli keluarga Dato Bendahara. Nasihat Tengku Zainal

dalam keadaan ini berlaku ketika Sultan berada dalam tahap tidak rasional, berfungsi sebagai indeks cabaran dalam konteks penghinaan adindanya kepada beliau sebagai Sultan Melaka yang bersifat *hegemonic masculinity*.

Hukuman mati terhadap Dato Bendahara dan kaum keluarganya tanpa usul periksa secara jelas, mengkonstruksi figura Sultan yang zalim kepada para pembesar istana dan dalam kalangan rakyat Melaka. Pada peringkat ini Tun Fatimah sebagai wanita paling cantik yang direpresentasi sebagai objek status monopoli Sultan, menolak sepenuhnya Sultan sebagai subjek dan *hegemonic masculine* yang perlu dia tunduk dan patuh. Beliau menolak untuk menjadi permaisuri Melaka.



Rajah 3: Dendam, marah dan rasa tercabar - tingkah ketidakwarasan emosi libido

Sultan kesan daripada kecantikan Tun Fatimah


2. Faktor Cemburu

Faktor cemburu Sultan pada adindanya, Tengku Zainal, dimanipulasi oleh pembesar istana Hang Berkut dan Dato Mendaliar melalui konsep fitnah.

- | | |
|-----------------|--|
| Hang Berkut: | Tengku Zainal cuba untuk memikat Tun Fatimah. Kalau patik berdusta sila tanya Dato Mendaliar.
Benar Tuanku. |
| Dato Mendaliar: | Zainal cuba menyunting bunga idaman beta ya. Ciss...sia-sia beta menjadi Sultan di negeri Melaka. Siapa di antara kamu yang berani menghabiskan riwayat Zainal? Siapa? Cakap! Mengapa kamu semua membisu? Tak seorang pun yang berani. Semua pengecut. |
| Sultan: | (Filem <i>Tun Fatimah</i> , 1962) |

Rentetan dari sini Tengku Zainal dibunuh Hang Berkat atas arahan Sultan. Hal ini berlaku ketika apabila Tengku Zainal menghalang beliau dan para pengawal istana dari membawa Tun Fatimah ke istana atas arahan Sultan. Cemburu Sultan kepada adindanya Tengku Zainal adalah indeks faktor penyebab ketidakwarasan emosi libido Sultan kesan daripada kecantikan Tun Fatimah yang gagal dia miliki.

Pada tahap ini, Tengku Zainal menyumbang kepada indeks musuh Sultan yang sinonim dengan Kerajaan Melaka. Kelaku Tengku Zainal yang kononnya cuba memikat Tun Fatimah memberi konotasi seorang pengkhianat negara seperti mana Dato Bendahara. Oleh itu, Tengku Zainal perlu dihapuskan kerana cuba memiliki “harta bernilai” Kerajaan Negeri Melaka yang bertaraf permaisuri Melaka.



Rajah 4: Cemburu terhadap Tengku Zainal -Tingkah ketidakwarasan sultan kesan daripada kecantikan Tun Fatimah.

Justeru, keberanian Tengku Zainal menghalang Tun Fatimah dibawa paksa ke istana, bertindak sebagai bersifat penghinaan kepada *hegemonic masculinity* Sultan Melaka. Keberanian Tengku Zainal mengganggu “bunga idaman Sultan” menyumbang kepada keberanian Tengku Zainal untuk merampas hak kerajaan yang menyumbang kepada konotasi dominiasi dan kuasa *hegemonic masculinity* Sultan.

Pada tahap ini, Tengku Zainal sudah ‘jatuh’ tarafnya kepada pengkhianat negara apabila *status quo* dan penghormatan beliau sebagai “Tengku” yang merujuk kepada ahli istana, kedudukan yang penting dalam kerajaan negeri Melaka sudah hilang. Taraf ini tidak lagi dijunjung sebut oleh Hang Berkat yang bertaraf panglima istana. Sehubungan dengan ini, kejayaan Hang Berkat yang berjaya membunuh Tengku Zainal dianggap sebagai wira negara.

Oleh yang demikian, tingkah ketidakwarasan emosi libido Sultan yang berpunca daripada kegagalan baginda memiliki Tun Fatimah menjadikan baginda berada pada tahap tidak rasional yang dibentuk daripada cemburu beliau terhadap Tengku Zainal. Keadaan tidak rasional ini menyumbang kepada tingkah dan keputusan Sultan mengarahkan adindanya dibunuh. Tingkah arahan ini mengkonstruksi figura Sultan yang zalim kepada para pembesar istana dan dalam kalangan rakyat Melaka.

3. Faktor Perasaan Bersalah dan Menyesal.

Hegemonic masculinity Sultan kembali kukuh dan stabil apabila Tun Fatimah menjadi permaisuri. Dalam erti kata lain, ketika ini maskuliniti dan figura expressi kejantanan seorang Raja menyumbang kepada kestabilan politik sesebuah dinasti yang sempurna. Dalam pada masa yang sama maskuliniti dan figura expressi kejantanan ini adalah representasi kekuasan dan autoriti Raja dan istana (Helder Carvalhal; Woodacre, Dean dan Martin, 2019).

Pada tahap ini naratif filem *Tun Fatimah* berada pada tahap klimaks. Konflik Sultan untuk memiliki wanita paling cantik di Melaka telah berjaya. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Melaka direpresentasikan sebagai sebuah kerajaan yang sempurna dengan adanya seorang permaisuri yang cantik dan menyumbang kepada lambang dan simbol kuasa dan autoriti Sultan. Kejayaan Sultan meletakkan Tun Fatimah sebagai permaisuri Kerajaan Negeri Melaka bertindak sebagai kemenangan dalam konsep dominasi monopoli Sultan yang hebat.

Sungguhpun begitu, perletakkan Tun Fatimah sebagai permaisuri Kerajaan Melaka memperkuatkannya lagi proses pembentukan citra figura Sultan yang zalim. Proses ini berlaku apabila Tengku Ahmad, anakanda Sultan (dengan permaisuri yang dulu), mempertikaikan titah hukum bunuh Sultan terhadap Dato Bendahara dan keluarganya dulu, secara berdepan dalam balai mengadap istana. Pada beliau, hukum bunuh pada Dato Bendahara dan keluarganya dulu dilakukan hanya berpegang kepada fitnah Dato Mendaliar dan tanpa soal selidik terlebih dahulu. Seperti yang dijangka oleh Sultan seperti dalam babak sebelum ini, marah dengan memanggil Tengku Ahmad sebagai bedebah dan budak biadab. Sekali lagi perulangan dialog tentang siapa dia di kerajaan Melaka berlaku, “sia-sia beta menjadi Sultan di negeri Melaka ini”.

Tun Fatimah dalam keadaan ini berfungsi sebagai unsur kesempurnaan dan konsep rasional diri Sultan yang hilang sebelum ini. Tun Fatimah mampu memberi rasional tentang apa yang diperkatakan oleh Tengku Ahmad tadi kepada Sultan. Indeks nasihat Tun Fatimah ini bertindak sebagai unsur ironi kepada sifat rasional Sultan. Hal ini kerana, ketika ini, nasihat Tun Fatimah supaya Sultan menyiasat perihal yang diperkatakan oleh Tengku Ahmad, tidak bersifat sebagai mencabar kewibawaan pemerintahan Sultan. Berbanding hal nasihat yang sama diajukan oleh Tengku Zainal kepada Sultan dahulu dalam isu yang sama. Ketika ini nasihat Tun Fatimah bersifat sebagai unsur penyelesaian kepada masalah negara.

Berdasarkan nasihat Tun Fatimah inilah Sultan membuka semula kes pengkhianatan Dato Bendahara. Laksamana Khoja Hassan, Dato Mendaliar dan Kitul dipanggil dan disoal-jawab tentang kesahihan dan kebenaran perbuatan dan perancangan Dato Bendahara untuk “menaiki raja di Negeri Melaka ini”. Apabila kebenaran terbongkar, perasaan bersalah dan menyesal

Sultan yang sudah berada pada tahap kesempurnaan atau berada pada peringkat *hegemonic masculinity* yang kukuh, runtuh. Keruntuhan ini diangkat melalui tingkah dan sikap Sultan meletakan kesalahan dirinya yang dulu (jatuh hukum bunuh kepada Dato Bendahara dan keluarganya), kepada bahu orang bawahan sepenuhnya, iaitu pembesar istana-Laksamana Khoja Hassan dan Dato Mendaliar serta rakyat-Kitul.


- Sultan: Apa benar Dato Bendahara menempah cerek emas, kaus emas dan hasrat menaiki raja di Negeri Melaka ini?
- Kitul: Patik tidak berkata begitu. Yang patik saksikan dahulu yang Nina Sura Duwana memberi emas 10 kati pada Dato Bendahara. Itu saja tuanku.
- Sultan: Sia-sia beta jadikan kamu Laksamana Khoja Hassan. Ini semua fitnah...fitnah belaka. Menyebabkan Dato Bendahara yang tidak berdosa mati dibunuh. Tun Busu Setia, lucutkan jawatan Laksamana sekarang juga. Halaukan dia keluar!
- Sultan: Bawa Kitul dan Mendaliar keluar. Sula dia. Sula...jalankan.

(Filem *Tun Fatimah*, 1962)

Hukuman perlucutan jawatan terhadap Laksamana Khoja Hassan yang dikatakan tidak menjalankan tugas dan hukuman sula pada Dato Mendaliar. Kitul dituduh bercakap tidak benar, dan dengan ini Sultan bertindak menjatuhkan hukuman terhadap Kitul dan Dato Mendaliar akibat daripada perasaan bersalah dan menyesal kerana kesilapan baginda terhadap Dato Bendahara dan keluarganya.

Ironinya, pengukuhan bahawa sebenarnya Kitul bercakap benar diangkat melalui babak awal ketika dia ke rumah Dato Mendaliar memberitahu perihal kejadian tentang tingkah pemberian Nina Sura Duwana. Namun, Dato Mendaliar yang sudah lama iri dengan Dato Bendahara telah memutar belit kata-kata Kitul untuk kepentingan dirinya.

Justeru, perihal jatuh hukum sula terhadap Dato Mendaliar dan Kitul serta perlucutan jawatan Laksamana Khoja Hassan oleh Sultan yang berada dalam keadaan emosi bersalah dan menyesal, menyumbang untuk kali ketiganya kepada pembentukan figura Sultan sebagai pemerintah yang zalim. Oleh yang demikian, emosi rasa bersalah dan menyesal sebenarnya boleh dikaji sebagai Sultan masih dalam keadaan ketidakwarasan emosi libido yang berpunca daripada kecantikan Tun Fatimah. Tingkah baginda menjatuhkan hukuman sula pada Dato Mendaliar dan Kitul serta melucutkan jawatan Laksamana Khoja Hassan, boleh dibaca sebagai tindakan baginda yang sedang berada dalam keadaan tidak rasional. Pada tahap ini baginda yang sudah berjaya memonopoli Tun Fatimah harus mencari jalan untuk mengekalkan dominasi beliau. Justeru, menjatuhkan hukuman sula pada Dato Mendaliar dan Kitul serta melucutkan jawatan Laksamana Khoja Hassan menyumbang kepada indikasi memberi keadilan kepada permasuri Melaka yang masih marah dan berdendam kepada beliau. Tingkah ini bertindak sebagai konsep insaf dan pembersihan diri Sultan daripada kesalahan berat yang dilakukan.



Rajah 5: Rasa Bersalah dan Menyesal -Tingkah Ketidakwarasan Sultan Kesan daripada Kecantikan Tun Fatimah.

Kesimpulan

Kecantikan Tun Fatimah dalam filem Tun Fatimah (1962), menyumbang kepada menyebab utama emosi keinginan Sultan, Kerajaan Negeri Melaka untuk memilik Tun Fatimah yang diiktiraf sebagai wanita paling cantik di Melaka. Oleh yang demikian, kegagalan Sultan untuk memiliki Tun Fatimah bertindak sebagai penyebab utama berlakunya emosi ketidakwarasan emosi libido. Justeru, menjadi pemangkin kepada tingkah tidak rasional, baik orang istana, iaitu Tengku Zainal, pembesar istana seperti Dato Bendahara, Dato Mendaliar dan Laksamana Khoja Hassan, serta kepada rakyat seperti Tun Ali, kaum keluarga Dato Bendahara dan Kitul. Tingkah ketidakwarasan emosi libido ini membentuk citra figura Sultan Mahmud sebagai pemerintah dan kerajaan yang zalim. Oleh itu, citra figura sebegini berfungsi sebagai penyumbang utama kepada keruntuhan kewibaan baginda sebagai pemerintahan dan kuasa patriaki hebat. Faktor ini menyumbang kepada indikasi kelemahan dan ketidakstabilan *hegemonic masculinity* Kerajaan Melaka. Dengan ini, citra figura Sultan Mahmud dalam filem *Tun Fatimah* (1962) sebagai Sultan dan pemerintah yang zalim dibentuk oleh ketidakwarasan emosi libido, boleh dibaca sebagai indeks kritikan sosial budaya dan sosial politik terhadap pemerintah atau autoriti Kesultanan Kerajaan Melaka secara keseluruhan. Khususnya dan kepada *hemoginic masculinity* yang bersifat *monarchy* atau pemerintahan beraja umumnya.

Rujukan

- Adams, C & Adams, T. (2015). *Female beauty system: Beauty as social capital in Western Europe and United States, middle age to present*. United Kingdom: Cambridge Scholars Publishing.
- Blondell, R. (2013). *Helen of Troy: Beauty, myth, devastation*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Cahyaningrum Dewojati. (2020). persaingan ideologi dan muatan propaganda dalam drama semasa penduduk Jepun di Indonesia. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 31(1), 1-19. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/27541/12426>.
- Carvalhal, H. (2019). Kingship and Masculinity in Renaissance Portugal (fifteenth and sixteenth centuries. In E. Woodacre, L. Dean, C. Jones, R. Martin and Z. Rohr (Eds.) *The Routledge History of Monarchy*. United Kingdom: Routledge.
- Cho Kyo. (2012). *The search for beautiful woman: Cultural history of Japanese and Chinese beauty* (Kyoko. S, trans). New York: Rowman & Littlefield Publisher, Inc.
- Cohen, P. (2014). *History and popular memory: The power of story in moment crisis*. New York: Columbia University Press.
- Howson, R. & Hearn, J. (2020). Art-Hegemony, hegemonic masculinity, and beyond. In L. Gottzen, U. Mellstrom and T. Shefer (Eds.) *Routledge International Handbook of Masculinity Studies* (pp. 41-51). London: Routledge.
- Kroth, J. (2003). *Conspiracy in Camelot: The complete history of the assassination of John Fitzgerald Kenny*. New York: Algora Publishing.
- Lim, Sk. (2010). *Chinese Imperial Woman*. Singapore: Asiapac Books.
- Messerschmidt, J. (2018). *Hegemonic Masculinity: Formulation, Reformulation and Amplification*. New York: Rowman & Littlefield.
- Ni, Peimin. (2016). *The Man and The Way of Gongfu*. New York: Rowman & Littlefield.
- Nur Anis, F., Anis Shahirah, A.S. (2021). Penterjemahan dimensi sosial kata tabu dalam novel *The Cather in The Rye*. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 32(1), pp. 176-198. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/29662/12995>.
- Ritscher, L. (2009). *The semiotic of rape in Renaissance English Literature*. New York: Peter Lang Publishing Inc.

Salleh Ghani. (1961). *Tun Fatimah*. Singapura / Persekutuan Tanah Melayu: Cathay-Keris. 1962.

Shaw, M. (2021). *Collateral damage: The mysterious deaths of Marilyn Monroe and Dorothy Kilgallen, and the ties that bind them to Robert Kennedy and the JFK Assassination*. United States of America: Post Hill Press Book.

Shaw, M. (2016), *The reporter who knew too much: The mysterious death of What's My Line TV Star and Media Icon Dorothy Kilgallen*. United States of America: Post Hill Press Book.

Soulliere, E. (2013). Women in The Imperial Household at Close of China's Ming Dynasty, pp 1573-1644, *Asia Pacific Perspective* 12.1 (Fall/Winter 2013-2014), pp. 133-60.